

23/04/1997

Pelantikan MB: Semua mesti sepakat

NAMA Menteri Besar baru Selangor bagi menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang meletakkan jawatan, masih menjadi rahsia. Setakat ini kita hanya dimaklumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menghadap Sultan Selangor untuk membincangkan nama calon yang difikirkan layak menduduki jawatan itu. Walaupun nama calon berkenaan masih perlu dihalusi supaya menepati beberapa kriteria yang diperlukan, kita yakin perkara itu pasti akan selesai. Sultan Selangor berhak memberi pandangannya mengenai calon yang difikirkan layak. Namun kita percaya kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) juga mempunyai kriteria pemimpin yang difikirkan sesuai untuk menjawat jawatan itu. Perselisihan perspektif terutamanya dalam konteks menilai ciri kepemimpinan, kita anggap sebagai perkara biasa. Malah ia bukanlah perkara baru dalam hubungan istana dengan pentadbir.

Sudah menjadi dokumen sejarah bahawa ada menteri besar yang tidak dapat diterima oleh istana tetapi urusan pentadbiran berjalan seperti biasa. Tetapi dalam hubungan seperti ini, ia hanya mengganggu kelancaran pentadbiran. Kita bersetuju jika calon yang dipilih nanti dapat sedikit sebanyak memuaskan hati semua pihak. Cuma kita perlu sedar, sebagai manusia, tidak ada satu makhluk pun yang sempurna serba-serbinya. Asalkan urusan pelantikan itu mengikut kehendak dan lunas Perlembagaan, kita yakin tidak ada pihak yang boleh mengungkit keputusan kerajaan dan istana kelak.

Bagi Anggota Mesyuarat Negeri (Exco), mereka sudah memberi mandat kepada Dr Mahathir untuk memilih siapa juga yang difikirkan layak. Ini menunjukkan dari segi pentadbiran, sudah tidak ada masalah yang timbul. Sekalipun calon yang dipilih adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan bukan daripada Exco, mereka akan menerimanya dan memberi jaminan akan memberi khidmat seperti biasa. Semangat ini dibuktikan secara padu dan jujur oleh anggota Exco ketika menemui Dr Mahathir. Kita tidak nampak sebarang masalah dari segi pelantikan Menteri Besar yang baru ini kerana struktur organisasi pentadbiran sudah kukuh.

Jika istana dapat menerima salah seorang daripada calon yang dikenal pasti itu, kita anggap nama Menteri Besar yang baru boleh diketahui tanpa perlu menunggu masa panjang. Seboleh mungkin kita juga berharap isu pemilihan Menteri Besar itu tidak menimbulkan konfrontasi antara istana dengan pentadbir. Kita percaya semua pihak sedar pertentangan tidak membawa sebarang faedah.

Bagi rakyat, mereka juga tidak mahu perkara itu berlarutan kerana ia hanya membazirkan masa. Kita percaya calon yang dibincangkan dengan istana hanyalah membabitkan dua tiga nama saja. Kemungkinan pihak istana mahu melihat beberapa nama lain turut diberi pertimbangan sama rata. Jika nama awal dianggap lebih baik, istana pasti menerimanya.

Dari segi pentadbiran, kerajaan Selangor memerlukan seorang Menteri Besar yang boleh bekerja gigih untuk rakyat kerana Selangor adalah kawasan yang paling maju di negara ini. Ia memerlukan seorang pentadbir yang baik dan mempunyai wawasan yang luas. Calon terbabit juga mesti mempunyai pemikiran yang sehaluan dengan pemikiran kepemimpinan Pusat. Jika tidak, kemajuan Kerajaan Pusat dan negeri tidak sehati.

Tambahan pula Selangor adalah pusat pertumbuhan yang tinggi. Menteri Besar yang baru juga perlu sedar bahawa tugas yang diamanahkan kepadanya adalah besar. Apatah lagi untuk memenuhi harapan rakyat yang begitu tinggi.

Kita menghormati keputusan Sultan Selangor yang mahu nama calon diselidik dan ditapis bagi memastikan mereka benar-benar bersih. Sultan Selangor memberi masa supaya pemilihan tidak dibuat secara terburu-buru. Ini juga selaras dengan kenyataan Dr Mahathir yang menyatakan beliau tidak perlu terburu-buru membuat keputusan. Beliau perlu mengkaji dan mendapatkan maklumat lebih terperinci sebelum melantik calon yang difikirkan sesuai. Lagipun semua urusan penting kerajaan negeri termasuk sidang Dewan Undangan Negeri sudah selesai. Kelewatan menamakan calon Menteri Besar yang baru, tidak menjejaskan urusan pentadbiran.

Kita berpegang kepada kata-kata Sultan Selangor bahawa beliau menaruh kepercayaan penuh kepada Dr Mahathir untuk membuat pemilihan. Kita percaya Dr Mahathir akan membuat keputusan muktamadnya. Kita harap selepas ini proses menamakan calon Menteri Besar dan seterusnya urusan pelantikannya akan berjalan lancar.

(END)